

# RAHSIA DI SEBALIK GELARAN TUN

Majlis Raja-raja tidak pernah sekali membangkitkan dalam mesyuarat kemungkinan mengehendkan jumlah penerima bintang kebesaran pada masa akan datang khasnya bagi darjah bergelar

*MASSA 8-14-11-2003*

**A**KHIR bulan lepas, tumpuan seluruh negara pastinya kepada persaraan Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan peralihan kuasa ketua kerajaan baru kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selain itu, fokus lain tentunya ialah penganugerahan darjah kebesaran tertinggi negara kepada Dr. Mahathir dan isteri beliau.

Bekas perdana menteri yang berkhidmat selama 22 tahun itu dianugerahi Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) sekali gus membawa gelaran Tun. Isterinya, Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pula dikurniakan Seri Setia Mahkota Malaysia (SSM) yang juga membawa panggilan Tun.

Sebenarnya majlis pengurniaan SMN kepada Dr. Mahathir dan SSM kepada Dr. Siti Hasmah itu merupakan kali ketiga diadakan pada tahun ini.

Pada 7 Jun lalu, bekas Ketua Setiausaha Negara, Abdullah Salleh dan menteri kabinet wanita pertama, Fatimah Hashim mendapat anugerah Tun. Ini diikuti dua Presiden Dewan Parlimen Itali, Marcello Pera dan Pieferdinando Cassini serta Yang Dipertua Negeri Sabah, Ahmad Shah Abdullah. Pengurniaan gelaran Tun kepada Dr. Mahathir pula mengulangi sejarah penganugerahan yang sama kepada Allahyarham Tun Hussein Onn apabila beliau bersara daripada politik pada tahun 1981.

"Setakat ini terdapat 87 orang sudah dianugerahi gelaran Tun di Malaysia dengan 37 orang daripadanya masih hidup," kata Fathilah Yaacob, pegawai di Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri. Dari segi hierarki, katanya, taraf SMN lebih tinggi daripada SSM dan dua darjah itu pun ada pelbagai kelas.

Bahagian istiadat bertanggungjawab penuh dalam pemberian setiap pingat kebesaran Persekutuan. Ini termasuk darjah dengan gelaran khas yang diberi oleh Yang di-Pertuan Agong sama ada kepada rakyat Malaysia atau warga asing terutama pemimpin luar dalam pelbagai majlis. Saban tahun, kira-kira 2,000 pingat diberi kepada individu yang terpilih.

Daripada jumlah itu, darjah bergelar biasanya tidak banyak iaitu kurang 100 penerima setahun. Pada tahun lalu, misalnya, cuma 71 daripada 2,034 penerima memperoleh darjah dengan gelaran khas Datuk, Datuk Seri dan Tan Sri. Tahun ini pula, di sebalik tujuh penerima gelaran Tun, angkanya menurun kepada 39 meskipun jumlah keselu-